

D.R. 3/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Wang Tak Dituntut 1965 [*Akta 370*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan menggantikan noktah di hujung takrif “Minister” dengan koma bernoktah; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “Minister” takrif yang berikut:

‘“prescribed” means prescribed by way of regulations made under this Act;

“Registrar” means the Registrar of Unclaimed Moneys appointed under section 4A;

“unclaimed moneys” means all sums of money as specified in section 2A;’.

Seksyen baharu 2A

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2 seksyen yang berikut:

“Unclaimed moneys

2A. Unclaimed moneys referred to in this Act shall be construed as references to all sums of moneys—

(a) which are legally payable to the owner and have remained unpaid for a period of not less than two years after they have become payable;

(b) to the credit of an account that has not been operated in whatever manner by the owner for a period of not less than seven years; and

(c) to the credit of a trade account which has remained dormant for a period of not less than two years.”.

Seksyen baharu 4A

4. Akta ibu dipinda dalam Bahagian I, dengan memasukkan sebelum seksyen 5 seksyen yang berikut:

“Registrar of Unclaimed Moneys, etc.

4A. (1) The Minister may appoint any officer in the Government service to be the Registrar of Unclaimed Moneys to carry out the duties and functions as specified in this Act.

(2) The Minister may appoint one or more officers in the Government service to be the Deputy Registrars of Unclaimed Moneys and Assistant Registrars of Unclaimed Moneys for the purposes of this Act.

(3) Subject to the general direction and control of the Registrar and to such restrictions and limitations as may be prescribed under this Act or authorized or required to be done or signed by the Registrar may be done or signed by any Deputy Registrar or Assistant Registrar and shall be as valid and effectual as if done or signed by the Registrar.

(4) No person dealing with any Deputy Registrar or Assistant Registrar shall be concerned to see or inquire whether any restrictions or limitations have been prescribed, and every act or omission of a Deputy Registrar or Assistant Registrar so far as it effects any such person shall be as valid and effectual as if done or omitted by the Registrar.”.

Pindaan seksyen 5

5. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “the proper officer of such court having the control or custody of money paid into court” dengan perkataan “the Registrar or any person appointed by the Minister under subsection 4A(2)”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “any officer of the court or otherwise” dengan perkataan “the Registrar or any person appointed by the Minister under subsection 4A(2)”.

Pindaan seksyen 6

6. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**officer of court**” dengan perkataan “**Registrar or person appointed**”;

- (b) dengan menggantikan perkataan “the proper officer of court” dengan perkataan “the Registrar or any person appointed by the Minister under subsection 4A(2)”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “or on behalf of such officer” dengan perkataan “the Registrar or any person appointed by the Minister under subsection 4A(2)”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan “such officer” dengan perkataan “the Registrar or any person appointed by the Minister under subsection 4A(2)”.

Pindaan seksyen 8

7. Seksyen 8 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong takrif “prescribed”;
- (b) dengan memotong takrif “Registrar”; dan
- (c) dengan memotong takrif “unclaimed moneys”.

Pemotongan seksyen 9

8. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 9.

Pindaan seksyen 10A

9. Subseksyen 10A(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “in the *Gazette* and all charges incurred for such publication in the *Gazette* shall be borne by the Registrar” dengan perkataan “by way of electronic medium or by way of an electronic transmission”.

Pindaan seksyen 11

10. Subseksyen 11(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “fifteen years” dengan perkataan “ten years”.

Pindaan seksyen 15

11. Seksyen 15 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “this Part” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “this Act”.

Kecualian dan peralihan

12. (1) Apa-apa wang tak dituntut yang kena dibayar di sisi undang-undang kepada pemunya dan tetap tidak dibayar dalam tempoh tidak kurang daripada satu tahun selepas ia menjadi kena dibayar sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Apa-apa lanjutan masa yang diberikan di bawah subseksyen 10(3) Akta ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965 (“Akta 370”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 370 bagi memperuntukkan takrif “prescribed”, “Registrar” dan “unclaimed moneys”. Dengan pindaan ini, takrif “prescribed”, “Registrar” dan “unclaimed moneys” yang pada masa ini terpakai bagi Bahagian II Akta 370 akan terpakai bagi keseluruhan Akta 370.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 2A bagi memperuntukkan skop wang tak dituntut berbangkit daripada pemotongan takrif “unclaimed moneys” di bawah seksyen 8 Akta 370. Seksyen baharu 2A yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa wang tak dituntut perlu dibayar kepada pemunya selepas ia menjadi kena dibayar daripada satu tahun kepada dua tahun agar syarikat dan firma dapat menyelenggara data yang berhubungan dengan wang tak dituntut. Dengan pindaan ini, peruntukan yang berhubungan dengan “unclaimed moneys” yang pada masa ini terpakai bagi Bahagian II Akta 370 akan terpakai bagi keseluruhan Akta 370.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 4A berbangkit daripada pemotongan seksyen 9 Akta 370 yang berhubungan dengan Pendaftar Wang Tak Dituntut. Seksyen baharu 4A yang dicadangkan juga bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk melantik mana-mana pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pendaftar Wang Tak Dituntut, dan seorang atau lebih pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Timbalan Pendaftar Wang Tak Dituntut dan Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk menjelaskan bahawa apa-apa yang diberi kuasa atau dikehendaki untuk dilakukan atau ditandatangani oleh Timbalan Pendaftar Wang Tak Dituntut atau Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut, tertakluk kepada arahan am dan kawalan Pendaftar dan juga sekatan dan batasan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta 370, hendaklah menjadi sah dan berkesan seolah-olah dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar. Pindaan yang dicadangkan selanjutnya bertujuan untuk menjelaskan bahawa tiada seseorang pun yang berurusan dengan mana-mana Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar perlu melihat atau mempersoalkan berkenaan apa-apa sekatan atau batasan yang ditetapkan kerana setiap perbuatan atau peninggalan oleh seseorang Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang memberi kesan kepada orang berkenaan adalah sah dan berkesan seolah-olah dilakukan atau ditinggalkan oleh Pendaftar.

6. *Fasal 5* dan *6* bertujuan untuk meminda seksyen 5 dan 6 Akta 370 bagi memperuntukkan bahawa hanya Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang dilantik oleh Menteri sebagai orang yang bertanggungjawab bagi menguruskan wang tak dituntut dan sekuriti di bawah Akta 370.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk memotong takrif “prescribed”, “Registrar” dan “unclaimed moneys” di bawah seksyen 8 Akta 370 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 2 dan seksyen baharu 2A yang dicadangkan.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk memotong seksyen 9 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 2, seksyen baharu 2A dan 4A dan seksyen 5 dan 6 yang dicadangkan.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 10A(1) Akta 370 bagi memperuntukkan bahawa daftar wang tak dituntut yang mengandungi butir-butir tentang wang tak dituntut yang dipegang oleh syarikat atau firma yang kekal tidak dibayar sehingga ke hari terakhir bulan Disember tahun yang sebelumnya hendaklah disiarkan melalui perantara elektronik atau secara penyampaian elektronik.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 11(2) Akta 370 bagi mengurangkan tempoh wang tak dituntut yang dikreditkan ke Akaun Amanah Disatukan (setakat yang wang tak dituntut itu belum dibayar daripada Akaun Amanah Disatukan di bawah Bahagian II Akta 370) daripada lima belas tahun kepada sepuluh tahun. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk membolehkan wang tak dituntut dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan apabila luput tempoh sepuluh tahun dari tarikh wang itu dikreditkan ke Akaun Amanah Disatukan.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 15 berbangkit daripada pindaan yang dibuat dalam seksyen 2 Akta 370 berhubung dengan takrif “prescribed”. Dengan pindaan ini, peruntukan ini yang pada masa ini terpakai bagi Bahagian II Akta 370 akan terpakai bagi keseluruhan Akta 370.

12. *Fasal 12* mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amanannya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)2930]